



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 30 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKEBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NONEHCEKGU TAWAN PASARAN JEPUN, LOKAL, HARIAN METRO - 17	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	LAKSANA USAHA MENYELURUH ELAK DUGONG PUPUS, NASIONAL, BERITA HARIAN – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PENYU AGAR 100KG MATI DI TELUK KEMANG, NEGARA, KOSMO – 17	
4.	JABATAN PERIKANAN USAHA LINDUNGI DUGONG TERANCAM, NASIONAL, SINAR HARIAN – 20	
5.	PENYU AGAR 100KG MATI TERDAMPAR DI TELUK KEMANG NASIONAL, SINAR HARIAN – 24	
6.	JAMBATAN RUNTUH, LEBIH 1,000 PENDUDUK TERJEJAS, NEGERI, SINAR HARIAN – 23	LAIN-LAIN
7.	PENTERNAK LEMBU BERALIH JADI PENANAM RUMPUT NAPIER, NASIONAL, BERITA HARIAN – 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Melaka

Usaha Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaksanakan Banci Pertanian 2024 memberi impak kepada berkesanan pengusaha dan penggiat pertanian di negara ini.

Malah menerusi banci berkenaan membolehkan statistik pertanian sebagai kunci kepada pembangunan, perkembangan dan kemajuan sektor pertanian negara menjelang 2030.

Program membabitkan jaringan kolaborasi strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak itu meliputi empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur serta perhutanan dan pembalakan.

Maklumat yang dikemas kini secara berkala itu dijadikan rujukan utama kerajaan dan agensi pertanian dalam merangka dasar yang lebih tepat dan berkesan.

Malah hasil bancian menjadi asas kepada penyediaan indikator keterjaminan makanan dan pembangunan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu (MySAGR), iaitu platform data pertanian yang akan memperkukuh ekosistem sektor berkenaan.

Bagi pengusaha tanaman nanas dari Simpang Kendong 1, Alor Gajah, Khairil Anwar Mohamed, menganggap banci pertanian membolehkannya merancang, mengenal pasti dan menganalisis keperluan, guna tanah, mempelbagai keluaran, produk gambaran masa hadapan perusahaan, teknologi, harga dan pasaran.

Katanya, pelbagai manfaat hasil banci termasuk memperoleh data keluaran projek pertanian, info petani aktif, hasil dan jenis pertanian, skala projek, kegunaan tanah, pemasaran dan kawalan harga, sekali pendekatan mengelak lambakan hasil keluaran sekali gus melindungi pengusaha pertanian.

"Sedia maklum negara tidak menghadapi masalah iklim berbanding dengan negara luar yang terdapat empat musim, justeru petani dapat merancang hasil pengeluaran dengan menggunakan pelbagai teknologi

NonehCekgu tawan pasaran Jepun

Banci Pertanian 2024 beri impak kepada pengusaha tempatan



Khairil menunjukkan hasil tanaman nanasnya di pelbagai lokasi termasuk di Alor Gajah, Rembau, Masjid Tanah dan Pengkalan Balak yang berjaya menghasilkan kira-kira 30 tan hasil keluaran setiap bulan.



moden di negara ini namun tidak digunakan semaksimal yang mungkin.

"Bagaimanapun perkembangan ini pastinya menarik generasi muda untuk tidak lagi menganggap pertanian dianak tirikan kerana bidang berkenaan kian berkembang baik, kerana bagi saya kekayaan negara terletak dalam bidang pertanian masa hadapan. Apapun mereka perlu berfikir dan bukan semberono sebaliknya belajar teknik betul kerana pelbagai kemudahan disediakan termasuk khidmat nasihat, latihan, kursus dan geran disediakan untuk mereka," katanya.

Menurutnya, di Australia

dan Jepun pertanian menjadikan mereka antara golongan yang terkaya namun di Malaysia masih terdapat pandangan golongan terabit dianggap miskin boleh dimanfaatkan kerana seperti negara maju dalam bidang terabit maju membolehkan mereka untuk mengenal pasti keperluan pengeluaran seperti bawang berapa banyak setahun mengawal lambakan di pasaran dalam masa sama mengawal harga agar tidak terlalu rendah.

Malah, secara langsung petani dapat meningkatkan hasil keluaran mereka selain pasaran tempatan mengikut kesesuaian dan

memasuki pasaran antarabangsa.

Dia yang mengusahakan tanaman berkenaan dikenali NonehCekgu itu membabitkan lebih 40 hektar tanaman nanas jenis MD2 dan Madu Kristal di pelbagai lokasi termasuk di Alor Gajah, Rembau, Masjid Tanah dan Pengkalan Balak berjaya menghasilkan kira-kira 30 tan hasil keluaran setiap bulan.

Lebih menarik perusahaan sejak 2016 itu dia mampu memasarkan kepada dua syarikat Jepun di negara ini selain pemborong tempatan, jual segar, peniaga tepi jalan dan masyarakat setempat.

Apa yang pasti hasil keluaran NonehCekgu memiliki kelainan rasa yang enak dan melekit di tangan sehingga siapa yang menikmatinya pasti teruja untuk mendapatkannya semula.

Khairil berkata, antara faktor kelainan berkenaan termasuk teknik dan jenis baja, jenis tanah serta selepas kajian dilakukan mereka untuk penghasilan produk berkualiti sehingga empulur nanas berkenaan juga lembut dan nanas berkenaan boleh dimakan begitu

sahaja seperti snek tanpa perlu dikupas cukup sekadar mengopek dengan jari.

Baginya, potensi amat besar dalam perniagaan berkenaan kerana dia juga mempelbagaikan hasil tanaman termasuk dijadikan jus segar, aiskrim, café nenas dan pelbagai produk lain yang memiliki potensi besar memasuki pasaran Timur Tengah dan China namun perlu meningkatkan kualiti produk termasuk pembungkusan.

Biarpun cabaran sememangnya banyak namun jika mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang betul pasti membawa hasil dan pulangan lumayan kerana teknik yang tepat dan berguru dengan mahir termasuk dengan agensi berkaitan amat perlu sebelum mengeluarkan belanja besar namun akhirnya mengalami kerugian.

Lebih menarik banci pertanian antara lain merangkumi usaha bagi penghasilan ekonomi yang stabil, meningkatkan sekuriti makanan negara, melestarikan alam sekitar, keterjaminan makanan yang mencakupi maklumat mengenai harga dan ketersediaan makanan.

Ia membabitkan penggunaan teknologi sekali gus menarik minat golongan belia kerana dapatan banci pertanian dapat menyediakan statistik pertanian real time, komprehensif dan berguna kepada semua petani mahupun pengusaha pertanian.

Malah, efficiency of market atau mencapai keseimbangan permintaan dan penawaran serta ketelusan dan kestabilan harga produk menerusi ketelusan harga produk pertanian dan memperbaiki teknik dan amalan pertanian mendorong kepada peningkatan hasil.



"Perkembangan ini pastinya menarik generasi muda untuk bertani"
Khairil

Laksana usaha menyeluruh elak dugong pupus

Putrajaya: Jabatan Perikanan kini melaksanakan usaha pemuliharaan dugong secara menyeluruh merangkumi perlindungan habitat kritikal, pemantauan populasi serta kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk masyarakat setempat.

Jabatan Perikanan dalam kenyataan sempena Hari Dugong Sedunia, semalam memaklumkan, agensi itu terus melaksanakan usaha bersepadu ke arah pemuliharaan spesies marin terancang seperti dugong (Dugong dugon), yang kini berhadapan risiko kepupusan.

"Sebagai mamalia marin her-

bivor yang bergantung sepenuhnya kepada ekosistem rumput laut, kelangsungan hidup dugong mencerminkan tahap kesihatan persekitaran laut negara," menurut kenyataan itu.

Dugong, satu-satunya spesies yang masih wujud dalam famili *Dugongidae* dan dilindungi sepenuhnya di bawah perundangan Malaysia termasuk Seksyen 27 Akta Perikanan 1985, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) (Pindaan) 2019 serta undang-undang hidupan liar di Sabah dan Sarawak.

Spesies itu disenaraikan dalam

Lampiran I Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar (CITES), dan dikategorikan sebagai 'Hampir Pupus' oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi, menjadikan usaha konservasi sebagai satu keperluan mendesak.

Jabatan Perikanan memaklumkan antara usaha pemuliharaan terkini dilaksanakan ialah cadangan pewartaan Santuari Dugong di Johor membabitkan kawasan seluas 150,000 hektar.

"Pewartaan ini dijangka memperkukuh perlindungan habitat kritikal serta menyokong penye-

lidikan dan pemantauan jangka panjang," menurut kenyataan itu.

Jabatan Perikanan memaklumkan populasi dugong di Malaysia tertumpu di beberapa kawasan seperti perairan Pulau Sibutu, Pulau Tinggi dan Pulau Besar di Johor serta di Sabah dan Sarawak.

"Habitat utama dugong ialah kawasan rumput laut cetek, yang turut menjadi ekosistem penting bagi pelbagai spesies marin lain seperti kuda laut, gamat dan ikan juvenil, namun kawasan ini semakin terancam akibat pembangunan pesisir, penambahan ta-

nah, pencemaran dan aktiviti penangkapan ikan yang tidak lestari," menurut kenyataan itu.

Menurut Jabatan Perikanan, pihaknya dengan kerjasama Yayasan PETRONAS sedang melaksanakan pemetaan taburan rumput laut di seluruh negara, termasuk penilaian stok karbon habitat berkenaan.

"Rumput laut bukan sahaja penting sebagai sumber makanan utama dugong, tetapi juga memainkan peranan dalam mitigasi perubahan iklim melalui keupayaan penyerapan karbon," menurut kenyataan itu.

BERNAMA

Penyu agar 100kg mati di Teluk Kemang

Oleh NOR AINNA HAMZAH

PORT DICKSON – Seekor penyu agar betina dianggarkan berusia 50 tahun dengan berat 100 kilogram (kg) ditemukan mati terdampar di Pantai Teluk Kemang, di sini pada Ahad lalu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, bangkai penyu dewasa berukuran 94 sentimeter panjang dan 85 sentimeter lebar itu ditemukan orang awam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan terhadap luaran badan penyu tersebut, tiada sebarang luka dikesan dan tiada tag pada kaki renang.

"Penyu yang ditemukan mati dan terdampar di Pantai Port Dickson ini adalah kali keempat tahun ini. Pemeriksaan men-

dapati kemungkinan penyu itu mati lebih 48 jam.

"Bangkai penyu ini seterusnya ditanam di kawasan berpasir yang tidak ditenggelami air laut dan penghargaan harus diberikan kepada nelayan yang segera menghubungi Pusat Ikan Hiasan PD untuk mengambil tindakan sewajarnya berhubung kedamparan penyu ini," katanya.

Menurutnya, sehingga kelmarin, terdapat 15 sarang penyu mendarat yang telah dijumpai dengan bilangan 1,695 biji telur.

Pihaknya memohon kerjasama orang ramai supaya segera memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan jika melihat atau menjumpai penyu yang terdampar atau mati.



BANGKAI penyu agar betina ditemukan mati di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson pada Ahad lalu. – JABATAN PERIKANAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Jabatan Perikanan usaha lindungi dugong terancam

PUTRAJAYA - Jabatan Perikanan kini melaksanakan usaha pemuliharaan dugong secara menyeluruh merangkumi perlindungan habitat kritikal, pemantauan populasi serta kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk komuniti setempat.

Jabatan Perikanan dalam kenyataan sempena Hari Dugong Sedunia pada Rabu memaklumkan, agensi itu terus melaksanakan usaha bersepadu ke arah pemuliharaan spesies marin terancam seperti dugong (Dugong dugon), yang kini berhadapan risiko kepupusan.

"Sebagai mamalia marin herbivor yang bergantung sepenuhnya kepada ekosistem rumput laut, kelangsungan hidup dugong mencerminkan tahap kesihatan persekitaran laut negara," katanya.

Dugong merupakan satu-satunya spesies yang masih wujud dalam famili Dugongidae dan dilindungi sepenuhnya di bawah perundangan Malaysia termasuk Seksyen 27 Akta Perikanan 1985, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) (Pindaan) 2019 serta undang-undang hidupan liar di Sabah dan Sarawak.

Spesies itu disenaraikan dalam Lampiran I Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar (CITES), dan dikategorikan sebagai "hampir pupus" oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN), menjadikan usaha konservasi sebagai satu keperluan mendesak.

Jabatan Perikanan memaklumkan antara usaha pemuliharaan terkini yang dilaksanakan adalah cadangan pewartaan Santuari Dugong di Johor melibatkan kawasan seluas 150,000 hektar.

"Populasi dugong di Malaysia tertumpu di beberapa kawasan seperti perairan Pulau Sibul, Pulau Tinggi dan Pulau Besar di Johor, serta di Sabah dan Sarawak.

"Habitat utama dugong adalah kawasan rumput laut cetek, yang turut menjadi ekosistem penting bagi pelbagai spesies marin lain seperti kuda laut, gamat dan ikan juvenil, namun kawasan ini semakin terancam akibat pembangunan pesisir, penambakan tanah, pencemaran dan aktiviti penangkapan ikan yang tidak lestari," kata Jabatan Perikanan. - *Bernama*



Kelangsungan hidup dugong mencerminkan tahap kesihatan persekitaran laut negara. - *Gambar hiasan*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	24

Tiada nombor tag pada kaki, dipercayai penyu liar

Oleh NORAFIZA JAAFAR
PORT DICKSON

Penyu agar 100kg mati terdampar di Teluk Kemang

Sekor penyu agar betina seberat 100 kilogram (kg) yang dianggarkan berusia 50 tahun ditemui mati terdampar di Pantai Teluk Kemang di sini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, penemuan itu dilaporkan pada Sabtu sekitar jam 8 pagi oleh orang awam yang menyedari kehadiran bangkai penyu berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan yang dilakukan tidak menemukan sebarang kecederaan luaran atau luka mencurigakan pada badan penyu tersebut.

"Selain itu, tiada nombor tag pada kaki haiwan itu menyebab-

kan kita tidak dapat pastikan penyu itu datang dari negeri mana.

"Ini bermaksud ia adalah penyu liar yang hidup di pantai barat (Selat Melaka) yang kemungkinan telah mati lebih 48 jam di laut dan terdampar di perairan Port Dickson,"

katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, bangkai penyu berkenaan telah direkodkan dari segi ukuran panjang dan berat sebelum ditanam di kawasan berpasir yang tidak akan tenggelami air laut mengikut



KASIM

langkah pengurusan sisa haiwan marin yang standard.

Kasim turut mengucapkan terima kasih kepada nelayan tempatan yang bertindak pantas memaklumkan penemuan tersebut kepada pihak berkuasa.

Pada masa sama, beliau menyuruh orang awam terutamanya komuniti nelayan dan pelancong, untuk terus menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam melaporkan sebarang penemuan spesies terancam kepada agensi tersebut.



Tiada sebarang kecederaan luaran atau luka mencurigakan pada badan penyu yang ditemui mati.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	23



Jambatan usang di Kampung Hutan Tualang, Jerlun dipercayai runtuh akibat arus sungai deras dan sisa tumbuhan air yang tersangkut di bawah jambatan.

Jambatan runtuh, lebih 1,000 penduduk terjejas

Penduduk desak jambatan baharu dibina segera

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
JERLUN

Jambatan usang di Kampung Hutan Tualang yang menjadi laluan utama kepada lebih 1,000 penduduk di beberapa kampung sekitar Ayer Hitam dan Kuala Tunjang runtuh pada petang Selasa selepas lebih lima tahun digunakan dalam keadaan tidak selamat. Insiden yang berlaku kira-kira jam 6 petang itu dipercayai berpunca daripada arus sungai deras dan sisa tumbuhan air yang tersangkut di bawah jambatan menyebabkan struktur telah lama retak tidak lagi mampu bertahan.

Penduduk kini terpaksa menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh, sekali gus menjejaskan aktiviti harian mereka.

Pengerusi Majlis Ketua Kampung (MKK) Kampung Gandai, Mohd Zulhailmi Che Azmi berkata, penduduk telah lama bimbang mengenai keadaan jambatan itu yang sudah menunjukkan tanda-tanda kerosakan sejak 2020.

"Penduduk dah lama risau jambatan



Mohd Zulhailmi menunjukkan keadaan laluan alternatif yang rosak tetapi terpaksa digunakan penduduk selepas jambatan runtuh.

ini akan runtuh. Ia menjadi laluan utama bagi pelajar sekolah, petani dan pekerja kilang. Sejak ia retak, hanya motosikal dan kereta boleh melaluinya tetapi sekarang semuanya musnah," katanya pada Rabu.

Mohd Zulhailmi mendakwa, aduan telah dibuat kepada pihak berwajib sejak 2021, namun hanya kerja tampalan sementara dilakukan yang tidak mampu memperkuh struktur jambatan.

Seorang penduduk, Zulkifli Md Isa, 61, berkata, jambatan berusia lebih 60 tahun itu sudah lama berada dalam keadaan yang membahayakan pengguna, namun masih belum dibaiki secara menyeluruh.

"Pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pernah datang buat tinjauan pada 2022 dan kos baik pulih

dianggarkan mencecah RM400,000 tapi hanya kerja tampalan kecil dilakukan.

"Kami tak ada pilihan, jambatan ini paling dekat untuk kami keluar menjalan-kan aktiviti harian," ujarinya.

Penduduk kini mendesak pihak berkenaan untuk mengambil tindakan segera bagi membina semula jambatan tersebut demi keselamatan dan kemudahan mereka.

"Tak perlu jambatan besar, cukup sekadar jambatan yang selamat untuk semua orang termasuk kenderaan kecemasan," kata Zulkifli.

Buat masa ini, penduduk terpaksa menggunakan Jalan Tandop-Kuala Tunjang sebagai laluan sementara, namun perlu menempuh jarak lebih dua kilometer melalui jalan rosak kerana sering digunakan lori dan jentera pertanian.



Penternak lembu beralih jadi penanam rumput napier

Kuala Berang: Melihat kepada potensi jualan napier, seorang pemuda mengubah haluan daripada memfokuskan ternakan lembu kepada memasarkan produk rumput napier sebagai makanan ternakan.

Pengusaha rumput napier, Mohd Ridzuan Mamat, 43, berkata, pada 2012 dia mulanya menanam rumput napier di tanah berkeluasan dua ekar sebagai sumber makanan kepada 100 lembu yang diternak secara fidlot.

Katanya, tujuan utama ternakan napier adalah bagi meningkatkan kebergantungan sumber makanan luar untuk haiwan yang diternaknya.

Mohd Ridzuan berkata, pada 2015 dia menggendakan usaha menanam rumput napier di tanah berkeluasan 10 ekar dan pada 2021 dia terus mempergiatkan usaha itu dengan menambah keluasan hingga 100 ekar.

"Sebelum masukkan ternakan, kita perlu sediakan maknan terlebih dahulu, jadi apabila kita kembangkan dua ekar ke 10 ekar tanaman rumput, namun ia masih belum mencukupi.

"Rumput napier ini selain saya jadikan makanan ternakan sendiri, ia turut dikomersialkan," katanya yang ditemui sempena Peluncuran Banci Pertanian 2024 di Padang Ragut, Kampung Binjai Kertas, dekat sini.

Menurutnya, permintaan rumput napier semakin meningkat sekali gus ia dijadikan sebagai pengeluaran produk utamanya berbanding ternakan.

Katanya, rumput napier yang ditanam di tanah berkeluasan satu ekar boleh mengeluarkan hasil 10 hingga 15 tan dan pasaran pula meliputi kawasan Pantai Timur.

"Selain dibeli terus oleh penternak ada juga peruncit yang



Mohd Ridzuan (tengah) menunjukkan rumput napier yang ditanam di tanah berkeluasan dua ekar sebagai sumber makanan kepada 100 ekor lembu yang diternak secara fidlot di Kampung Binjai Rendah, Kuala Berang. (Foto Ghazali Kori/BH)

datang membeli dan kemudian menjual kembali rumput napier ini kepada pengguna akhir.

"Konsep tanaman rumput napier ini iaitu daripada benih mengambil masa 90 hari untuk dituai dan tuaiannya berikutnya, 60 hari," katanya.

Katanya, pokok rumput napier ini boleh dituai sehingga lima tahun sebelum proses taniam semula dilakukan dan dia

turut membuat percaturan awal berdasarkan permintaan bagi mengelak berlakunya lambakan. Katanya, kebiasaannya 30 ekar diperuntukkan bagi satu pusingan dan berikutnya bagi memenuhi permintaan berdasarkan permintaan tetap.

Mengenai benci pertanian Mohd Ridzuan berkata, dia menyambut baik langkah yang dilakukan Jabatan Perangkaan

Malaysia, kerana input diperoleh hasil kajian dilakukan membongkarnya mengenai rakan strategik, saya juga boleh mengetahui berapa banyak jumlah ternakan dan bilangan penternak di negeri ini bagi prospek pasaran akan datang selain memerlukan pasaran kepada penternak yang berminat," katanya.